



Jabatan Perpaduan Negara
& Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)



BULETIN IKLIN

2016



2016

Penaung

YBhg. Dato' Gandesan A/L Letchumanan
Ketua Pengarah JPNIN

Penasihat

YBhg. Datuk Yusof Sarangit
Pengarah IKLIN

Ketua Sidang Redaksi

Encik Mohd Khalil Haji Ahmad

Sidang Redaksi

Encik Beh Sang How
Puan Intan Suhana Yusuff
Puan Marlina Termudi
Puan Zarina Zakaria
Puan Norhamidah Gorment
Puan Syadatul Amira Aminudin
Puan Zanariah Suleiman
Puan Nordiana Ma'mor
Puan Syazana A. Razak

Pereka Grafik

Encik Mohamad Shahrin Shuib

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)
Lot 20586, Jalan BBN 1/2E,
Putra Point, Putra Nilai,
71800 Nilai, NEGERI SEMBILAN.



+ (6) 06-794 0987



+ (6) 06-794 0997



iklin@jpnin.gov.my



Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional - IKLIN

**Buletin diterbitkan secara tahunan*



IKLIN
MEMBUDAYAKAN PERPADUAN

PEMACU



PERPADUAN NEGARA



JASAMU DIKENANG



Dalam Kenangan

Encik All Ashaari Nong
17.04.1977 hingga 16.02.2016



Puan Norlizawati Mohd Kandar

Bertukar ke Akademi Audit Negara
16.05.2016



Puan Wan Zumaiza Wan Mustapha

Kenaikan Pangkat ke JPNIN, WPKL
15.07.2016



Encik Mohd Norizam Mohd Tahil

**Bertukar ke Kementerian
Pelancongan & Kebudayaan
Malaysia**
01.09.2016



Encik Ho Khek Hua
(Pengarah IKLIN)

**Bertukar ke
Kementerian Pengangkutan
Malaysia**
15.07.2016



Puan Salmah Abu Mansor

Bersara wajib
11.01.2016



Puan Hasnah Abd Jamil

Bersara pilihan
23.01.2016

SELAMAT DATANG



YBhg. Datuk Yusof Sarangit

**Pengarah
Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)**
15.09.2016



Encik Mohd Khalil Haji Ahmad

**Bahagian Penyelarasan Kajian dan
Maklumat**
04.01.2016



Encik Mohamad Shahrin Shuib

Bahagian Pembangunan Latihan
04.01.2016



Puan Siti Madzlina Makhtar

Bahagian Pembangunan Latihan
04.01.2016



Puan Megala A/P Ayasamy

**Bahagian Pengurusan & Khidmat
Sokongan**
24.04.2016



Puan Marlina Termudi

Bahagian Pembangunan Latihan
01.08.2016



Encik Andy Anak Romeo Willie @ Sanen

Bahagian Pengurusan & Khidmat Sokongan
15.11.2016



Puan Naizarina Isa

Bahagian Pembangunan Latihan
15.11.2016



Puan Norhaslinda Osman

Bahagian Pembangunan Latihan
23.11.2016

KURSUS ASAS GURU TABIKA PERPADUAN

Kursus Asas Guru Tabika Perpaduan merupakan kursus yang dilaksanakan untuk guru baru yang dilantik oleh jabatan. Kursus ini merupakan mekanisme untuk guru memperoleh pengetahuan dan menggalakkan mereka menambah kemahiran sebagai guru di tabika masing-masing. Justeru itu, latihan yang diberikan merupakan salah satu usaha untuk memperbaiki prestasi semasa dan prestasi masa hadapan mereka supaya objektif organisasi dapat dicapai.



Kursus ini juga dapat membantu guru mengaplikasikan kemahiran asas dalam aspek pengajaran dan pembelajaran prasekolah di samping mengklasifikasikan aspek-aspek perkembangan kanak-kanak dan kaitannya dengan proses pengajaran dan pembelajaran.



BENGKEL PERTANIAN BANDAR / URBAN FARMING

Bengkel Pertanian Bandar / *Urban Farming* KRT telah diadakan sebanyak 3 siri meliputi siri 1 bagi Zon Tengah iaitu pada 29 hingga 30 April 2016 bertempat di Hotel Oriental Crystal, Kajang dengan dihadiri oleh Ahli Rukun Tetangga yang telah dipilih seramai 60 orang, seterusnya siri 2 bagi Zon Utara pada 19 hingga 20 Mei 2016 bertempat di Hotel Impiana, Ipoh dengan jumlah peserta 52 orang dan siri 3 bagi Zon Timur dan Selatan pada 3 hingga 4 Jun 2016 bertempat di Hotel Grand Continental Kuala Terengganu dengan peserta seramai 66 orang. Bengkel ini mengandungi lima (5) slot ceramah oleh Jabatan Pertanian (Bahagian Pertanian Bandar), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan perkongsian berhubung pertanian bandar oleh Kawasan Rukun Tetangga yang dipilih.



Bengkel Pertanian Bandar / Urban Farming KRT bagi Zon Tengah iaitu pada 29-30 April 2016 bertempat di Hotel Oriental Crystal, Kajang

Bengkel ini merupakan kerjasama di antara JPNIN dan Jabatan Pertanian yang bertujuan untuk perkongsian ilmu serta kemahiran di samping membantu meningkatkan taraf ekonomi individu melalui hasil pertanian yang dikomersialkan.

KURSUS PENGESANAN ISU PERPADUAN

Kursus Pengesanan Isu Perpaduan merupakan usaha jabatan dalam melahirkan pegawai JPNIN yang sentiasa dalam keadaan siap siaga dan mempunyai pengetahuan di dalam menjalankan kerja-kerja lapangan, khasnya dalam usaha membuat langkah-langkah pencegahan awal melalui teknik risikan. Kursus ini memberi latihan kepada Pegawai Perpaduan di peringkat daerah dan negeri untuk mengesan dan melaporkan isu atau insiden yang boleh menggugat perpaduan dan meningkatkan kesiapsiagaan dari segi ilmu dan kemahiran berkenaan pengurusan isu perpaduan dan pengurusan konflik di Malaysia. Kursus ini juga mengajar pegawai untuk mengenalpasti tindakan intervensi yang sesuai untuk meredakan sesuatu isu atau insiden agar perpaduan dan keharmonian sentiasa terpelihara.

“Melahirkan pegawai pegawai JPNIN supaya sentiasa dalam keadaan siap siaga dan mempunyai pengetahuan di dalam menjalankan kerja-kerja lapangan, khasnya di dalam usaha membuat langkah-langkah pencegahan awal melalui teknik risikan”



10 HINGGA 14 APRIL 2016
KEM KONKOI, JELEBU
NEGERI SEMBILAN

KURSUS ASAS MEDIASI KOMUNITI

Mediasi komuniti adalah merupakan kaedah yang dipilih sebagai penyelesaian kepada masalah kejiwaan kerana prosesnya adalah fleksibel dan tidak formal. Ia membolehkan pihak yang bertelingkah hadir bersama-sama dalam kehadiran mediator komuniti iaitu satu pihak neutral yang akan membantu mereka untuk menjelaskan isu-isu, membincangkan pendapat mereka dan akhirnya mencapai satu persetujuan dan menyelesaikan masalah mereka setelah semua pilihan diterokai.

Kursus Asas Mediasi Komuniti telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2016 dan melibatkan AJK Rukun Tetangga. Penceramah kursus ini terdiri daripada Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang berkemahiran dalam bidang mediasi.



KURSUS MEDIASI KOMUNITI SRI 2/3 PADA 22
HINGGA 25 JULAI DI HOTEL REGENCY ALOR
SETAR, KEDAH DARUL AMAN

MEDIATION PROCESS

WHEN CONDUCTING MEDIATION THERE ARE SOME GENERAL STEPS THAT MEDIATORS WILL FOLLOW TO BRING ABOUT A SOLUTION

INTRODUCTION

The mediator will begin the session with introductory remarks and will hear the point of view of both parties

STEP 01



IDENTIFY PROBLEMS

After the introduction all parties will be invited to give their side of the dispute in an attempt to identify issues

STEP 02

CONVERSATION

The mediator will hold private sessions with all parties. Moving between parties, the mediator will attempt to remove points of contention and clarify points of agreement

STEP 03



AGREEMENT

Once enough points of compromise have been established, the mediator will suggest a solution. If both parties agree to the solution then an agreement will be written up and signed by both parties

STEP 04



DUE TO THE VOLUNTARY NATURE OF MEDIATION, EITHER PARTY CAN DECIDE TO END THE MEDIATION SESSION AT ANY TIME.

YOUR MEDIATOR MAY CHOOSE SUGGEST ALTERNATIVE SOLUTIONS IF THEY BELIEVE A SIMPLER, MORE EFFICIENT AGREEMENT CAN BE MADE.

BENGKEL INOVASI DAN KIK



Bengkel Inovasi dan KIK diadakan bagi memberi galakan penciptaan dan penyuburan inovasi di JPNIN di samping menggalakkan pembudayaan inovasi dalam pelaksanaan proses kerja untuk meningkatkan kecekapan. Setiap peserta yang hadir telah diberi bimbingan dalam menghasilkan dokumen yang lengkap beserta material projek yang sesuai mengikut garis panduan yang ditetapkan untuk dipertandingkan di peringkat JPM. Bengkel ini telah diadakan secara bersiri seperti berikut:

Siri	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
Siri 1	3 - 5 Feb 2016	Hotel Empress, Sepang	96 orang
Siri 2	11 - 13 April 2016	Hotel Prescott, Kajang Selangor	85 orang

KURSUS PENGENALAN DAN KEPERLUAN MS ISO 9001:2008



Kursus ini diadakan bagi melatih pegawai-pegawai jabatan agar berpengetahuan dalam proses pengauditan kualiti dalaman di samping skop dan bidang audit kualiti dalaman yang berkaitan. Para peserta juga didedahkan dengan ketidakpatuhan yang sering berulang semasa proses auditan dijalankan pada setiap tahun. Langkah ini diambil bagi memastikan Dasar Kualiti JPNIN iaitu menjadikan JPNIN sebagai sebuah jabatan yang cemerlang, komited dan mampu memelihara, memupuk dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tercapai dengan jayanya. Kursus ini telah diadakan secara



Siri	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
Siri 1	20 - 22 Julai 2016	Hotel Oriental Crystal, Kajang Selangor	39 orang
Siri 2	27 - 29 Julai 2016	Hotel Oriental Crystal, Kajang Selangor	33 orang

KURSUS KECEMERLANGAN “ KOMUNITI SIHAT PERKASA NEGARA” (KOSPEN)

Kursus Kecemerlangan “Komuniti Sihat, Perkasa Negara” (KOSPEN) RT telah dilaksanakan di dua zon iaitu Zon Timur pada 29 hingga 31 Julai 2016 dan Zon Tengah pada 2 hingga 4 September 2016. Peserta yang terpilih menghadiri kursus ini terdiri daripada sukarelawan KOSPEN RT dan pegawai JPNIN khususnya PPD dan PPP yang memantau Program KOSPEN RT di daerah dan negeri. Program ini merupakan satu inisiatif baru melibatkan transformasi perkhidmatan kesihatan awam dalam mendekatkan dan meluaskan penglibatan masyarakat dalam program kesihatan awam dengan menggabungkan mekanisma kerajaan sedia ada terutamanya di peringkat akar umbi bagi meningkatkan mutu kesihatan rakyat Malaysia. Program ini merupakan kerjasama dan kolaborasi antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



KURSUS SKIM RONDAAN SUKARELA CEMERLANG 2016

Kursus Skim Rondaan Sukarela Cemerlang 2016 telah dilaksanakan di dua zon yang berbeza iaitu Zon Utara dan Zon Tengah. Kursus ini telah memberi peluang kepada Rukun Tetangga yang pernah memenangi Anugerah SRS Cemerlang pada 2012/2013 untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan dengan menggunakan kaedah moden yang menjimatkan masa, tenaga dan kos. KRT Taman Impian, Bukit Mertajam Pulau Pinang telah berkongsi pengalaman dengan peserta kursus di Zon Utara mengenai Sistem *Unity Alarm* yang telah berjaya menurunkan kadar jenayah yang berlaku di kawasan mereka. Di samping itu, kursus ini juga dapat mewujudkan kesedaran komuniti dalam aspek keselamatan di kawasan kejiranan dan menggalakkan perkongsian idea serta cadangan untuk meningkatkan kecemerlangan SRS melalui perkongsian dan pengetahuan pengurusan SRS.



KURSUS HUBUNGAN ETNIK

Kursus Hubungan Etnik telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun ini dan melibatkan pegawai dari gred 19 dan ke atas. Penceramah kursus ini terdiri daripada pegawai JPNIN dan agensi luar seperti ILKAP dan SKMM. Pelaksanaan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang isu-isu keharmonian masyarakat di Malaysia serta memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah atau alat dalam pengurusan hubungan etnik dan meningkatkan kemahiran peserta merancang dan melaksanakan program-program jabatan yang menjurus kepada pengurusan hubungan etnik.

“ Memberi pendedahan kepada peserta tentang isu-isu keharmonian masyarakat di Malaysia ”



Kursus Hubungan Etnik Bil. 3 Tahun 2016 pada 17 hingga 19 Ogos 2016 di Hotel Empress, Sepang Selangor



Kursus Hubungan Etnik Bil. 2 Tahun 2016 pada 10 hingga 12 Ogos 2016 di Hotel Heritage, Ipoh Perak



Kursus Hubungan Etnik Bil. 1 Tahun 2016 pada 20 hingga 22 Julai 2016 di Hotel Oriental Crystal Kajang Selangor

KURSUS KEJURULATIHAN SILANG BUDAYA

Pelaksanaan kursus ini merupakan lanjutan dari dua (2) kursus yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 melibatkan Zon Tengah & Utara serta Zon Borneo yang terdiri daripada Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Kursus ini bertujuan untuk melahirkan jurulatih dari kalangan pegawai JPNIN yang akan melatih guru penyelaras Kelab Rukun Negara (KRN) bagi Kursus



Peserta sedang menjalani sesi pembentangan kumpulan bagi menjayakan pelaksanaan aktiviti dalam Modul Silang Budaya

Kursus Kejurulatihan Silang Budaya Zon Selatan / Timur 12 hingga 14 Februari 2016 Hotel Oriental Crystal, Kajang Selangor



Selain itu, kursus ini dapat meningkatkan kepakaran serta kebolehan pegawai JPNIN dalam konsep silang budaya dan membantu pegawai JPNIN memahami silang budaya dalam memupuk persefahaman, toleransi dan etika dalam pengurusan perpaduan bagi mengurangkan dan mengelakkan salah faham serta konflik antara budaya. Kursus ini diselia bersama penceramah dan fasilitator dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

PAMERAN UNITY GARDENING DRUM (UGD) PADA MAJLIS PELANCARAN PERTANIAN BANDAR PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2016

Majlis Pelancaran Pertanian Bandar Peringkat Negeri Selangor 2016 telah diadakan pada 1 Oktober 2016 dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Gandesan A/L Letchumanan, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. IKLIN telah dijemput untuk mengadakan pameran *Unity Gardening Drum* (UGD) sempena majlis ini. Majlis ini merupakan kerjasama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor dan Jabatan Pertanian Negeri Selangor.



BENGKEL PEMBINAAN INDEKS KOMPOSIT KESEPADUAN NASIONAL (IKKN)

Pada 21 hingga 23 September 2016 yang lalu, seramai 5 orang pegawai IKLIN telah menghadiri Bengkel Pembinaan Indeks Komposit Kesepaduan Nasional (IKKN). Bengkel ini telah dilaksanakan oleh JPNIN dengan kerjasama KITA, UKM dan penglibatan agensi-agensi yang telah menjalankan indeks sebelum ini. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membangunkan indeks yang komprehensif untuk mengukur dan memantau kesepaduan sosial dan perpaduan di negara ini.



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA



Pada 29 September 2016 yang lalu, IKLIN telah mengadakan kunjungan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Turut serta dalam kunjungan adalah pegawai daripada Bahagian Pengurusan Perpaduan dan Bahagian Dasar & Perancangan. Kunjungan ini bertujuan untuk mengkaji dan mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut berhubung penubuhan suruhanjaya.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)



Pada 20 Oktober 2016 yang lalu, IKLIN telah mengadakan kunjungan ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Turut serta dalam kunjungan adalah pegawai daripada Bahagian Pengurusan Perpaduan dan Bahagian Dasar & Perancangan. Kunjungan ini bertujuan untuk mengkaji dan mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut berhubung penubuhan suruhanjaya.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA)



Pada 12 Oktober 2016 yang lalu, IKLIN telah mengadakan kunjungan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Turut serta dalam kunjungan adalah pegawai daripada Bahagian Pengurusan Perpaduan dan Bahagian Dasar & Perancangan. Kunjungan ini bertujuan untuk mengkaji dan mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut berhubung penubuhan suruhanjaya.

TUNTUTAN SABAH & SARAWAK KELUAR MALAYSIA (SSKM) DALAM MEDIA

Nidzam Sulaiman, Kartini Aboo Talib @ Khalid,
Suzanna Mohamed Isa
Universiti Kebangsaan Malaysia
(2016)

Abstrak

Penyelidikan ini cuba melihat gerakan SSKM yang menggunakan laman media dalam menyentuh isu tuntutan dua negeri ini untuk keluar dari Malaysia. Memandangkan isu ini lebih banyak dimainkan dalam media sosial, maka lebih banyak tumpuan diberikan di sana berbanding media aliran perdana. Sentimen negeri dalam berhadapan dengan kerajaan persekutuan kelihatan lebih ketara dan sensitif di Sabah dan Sarawak berbanding negeri lain. Gerakan dan aktiviti pemisah atau yang kritikal terhadap Putrajaya yang diwarwarkan dalam media sosial termasuk *web, blog, facebook, twitter, youtube* dan sebagainya menjadi alat media yang rancak memberi pandangan, menyuarakan ketidakpuasan, menuntut hak dan mengkritik serta memainkan sentimen pemisahan ini. Ruang media seperti ini memberi ruang interaktif dengan peranan pembaca memberi reaksi mereka, sekali gus merancak dan memanaskan sentimen perbincangan. Kajian cuba meninjau pergerakan media ini dengan menumpukan isu yang dibangkitkan, kaedah yang digunakan serta cara mengatasi masalah tersebut. Kaedah utama penyelidikan ini adalah berdasarkan penelitian laman yang terlibat, di samping temubual intensif serta temubual kumpulan berfokus. Hasil kajian mendapati terdapat banyak isu yang melibatkan ketidakseimbangan pembangunan dua negeri ini yang menjadi sasaran kritikan di samping persoalan kaedah pelaksanaan perjanjian penubuhan Malaysia dahulu yang diungkitkan. Beberapa cadangan seperti dasar pembangunan inklusif, penyemakan semula pembahagian royalti minyak dan mengurangkan dasar malayanisasi telah diajukan sebagai jalan mengurangkan sentimen ini dari terus dimanipulasi.

IMPAK PROJEK INOVASI SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DI KAWASAN PERUMAHAN: ANALISA DARIPADA PANDANGAN KOMUNITI LOKAL

**Norwahidah Zinalibdin, Novel Lyndon,
Sivapalan Selvadurai, Sarmila Md Sum**

*Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
(2016)*

Abstrak

Kerancangan proses pembedaan dilihat antara faktor utama yang menyumbang ke arah peningkatan perlakuan jenayah. Oleh itu, objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti impak projek inovasi pencegahan jenayah oleh komuniti RT Taman Seri Impian terhadap kawasan perumahan mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan interpretif dan strategi abduktif. Ini kerana ia melibatkan pandangan dan tafsiran harian oleh aktor sosial berkaitan dengan pemahaman konsep keselamatan komuniti dan peranan RT itu sendiri yang merupakan sebuah program intervensi pembangunan komuniti. Sejumlah 30 orang informan telah ditemubual dalam kajian ini. Pemilihan informan adalah berdasarkan kaedah persampelan bukan kebarangkalian yang terdiri daripada persampelan bertujuan, persampelan bola salji dan persampelan teoritik. Data telah dikutip dengan menggunakan kaedah temubual mendalam dan perbincangan kumpulan terfokus. Hasil kajian mendapati projek inovasi ini telah berjaya mengurangkan kadar jenayah di kawasan kajian melalui penggunaan Unity Alarm sebagai salah satu kaedah pencegahan jenayah di kawasan kejiranan. Di samping itu, kajian mendapati pelaksanaan projek inovasi ini telah berjaya mewujudkan sistem rangkaian dalam menjaga keselamatan kejiranan. Dalam masa yang sama, secara tidak langsung penghasilan inovasi Unity Alarm telah berjaya menyepadukan hati penduduk setempat yang jelas terpamer menerusi hubungan kejiranan yang erat. Kesimpulannya, projek ini berupaya membantu pihak polis dalam usaha pengurangan kadar jenayah selaras dengan inisiatif NKRA Keselamatan Negara.

MEMANSUHKAN RUANG BANGSA DALAM BORANG RASMI KERAJAAN DAN SWASTA: PERSEPSI MASYARAKAT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ismi Arif Ismail, Dzu hailmi Dahalan, Haslinda Abdullah,
Turiman Suandi, Steven Eric Krauss & Nurul Akhtar Kamarudin

*Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
(2015)*

Abstrak

Makalah ini mengupas persepsi masyarakat Semenanjung Malaysia terhadap cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Kajian ini menggunakan pendekatan mix method dengan meneliti data primer pelbagai kes melibatkan seramai 1513 responden yang terdiri daripada masyarakat Semenanjung Malaysia merentas bangsa, generasi dan zon terpilih yang mewakili semua negeri. Kajian menunjukkan majoriti masyarakat di Semenanjung Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Masyarakat Cina dan India cenderung untuk bersetuju supaya ruang bangsa ditiadakan dari borang rasmi kerajaan dan swasta, berbeza dengan masyarakat Melayu dan Bumiputera Sabah/Sarawak yang menetap di Semenanjung. Persepsi masyarakat merentas generasi pula menunjukkan hanya Gen Z didapati cenderung untuk bersetuju. Hal ini begitu kontradik dari sudut pandang The Baby Boomers, Gen X dan Gen Y. Berasaskan penemuan kajian, pemansuhan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta dilihat berpotensi mencetuskan polemik dan sensitiviti perkauman dalam masyarakat majmuk kerana wujud perbezaan signifikan dari sudut pandang masyarakat berbilang kaum merentas bangsa dan generasi. Kajian ini mencadangkan supaya ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dikekalkan tetapi dalam bentuk terbuka (open ended) tanpa ruang kotak yang menetapkan pilihan etnik/bangsa kepada pengisi borang, dan pada masa yang sama memasukkan perkataan 'untuk peluang kesamarataan' bersebelahan dengan ruang ini.

CORAT-CORET IKLIN



Pameran Unity Gardening
Drum (UGD) di Majlis
Perhimpunan Rukun Tetangga
1Malaysia



Lawatan Sambil Belajar
Delegasi Sri Lanka Sebagai
Peserta Kursus Pentadbiran
Kontrak Dan Perolehan
Awam Di Universiti
Kebangsaan Malaysia Ke
IKLIN



Warga IKLIN di Majlis Riang
Ria 2016 dan Sambutan Hari
Lahir

